

**ESEI PENYELIDIKAN HSM 412 :  
DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA**

**SEJARAH PERKEMBANGAN PASUKAN POLIS  
DI NEGERI SEMBILAN  
DARI AKHIR 1880 AN (1888-1891)  
HINGGA  
AKHIR 1890 AN (1896-1901)  
SERTA HUBUNG KAIT ANTARA ASPEK-ASPEK  
KEPOLISIAN DENGAN KEJADIAN JENAYAH.**

**OLEH:**

**HASILINA BINTI FADZIL  
SASTERA DENGAN PENDIDIKAN (A)  
[MATRIKS : 20127]**

**SELAUT KASIH  
SEPANTAI SAYANG UNTUK;**

Puan Kamariah Maaris-  
bondaku yang tersayang yang telah  
berkorban demi anak-anakmu

Dato' Andika Mandulika Fadzil Nordin  
ayahanda yang banyak medorong  
kejayaanku

Kakak dan abang  
Angah, Atih, Bang Lang,  
Bang Chik sekeluarga; doaku moga  
kalian beroleh rahmatNya sentiasa  
dan teristimewa sekali buat Acik  
sekeluarga - Along, Adik dan Baby  
moga satu hari nanti  
perjuangan ini akan  
kalian contohi,dengan  
izin Allah.

Sahabat-Sahabatku  
Ruh, Mah, Cik P, Maliah, Akak -  
"Susah sonang lotih samo-samo  
di raso"

Buat Semua  
KENYATAAN TIDAK SEINDAH IMPIAN  
BILA IMPIAN JADI KENYATAAN

- dr inaku -  
3 Ramadhan 1414

## Penghargaan

## PRAKATA

Tujuan kajian ini dijalankan adalah sebagai satu usaha penulis untuk melihat sejarah perkembangan pasukan polis Negeri Sembilan. Penumpuan diberikan kepada kawasan Sungai Ujung.

Tajuk ini menarik minat penulis untuk menkajinya kerana masih tidak terdapat satu kajian yang khusus mengenai aspek tersebut sehingga waktu ini. Penulis berharap agar kajian yang secara menyeluruh dan ringkas ini akan merintis jalan ke arah kajian yang lebih terperinci dan mendalam oleh mereka yang berminat dimasa akan datang.

Aspek kajian adalah merangkumi ruanglitup sejarah pasukan polis zaman masyarakat tradisional sebelum kedatangan penjajah sehingga kepada penubuhan pasukan polis moden mengikut konsep pasukan polis yang di bawa oleh Inggeris. Aspek-aspek yang disentuh adalah seperti tugas/peranan pasukan polis, disiplin, hubungan polis dengan jenayah, banduan dan penjara dan akhirnya penganalisaan mengenai aspek-aspek yang di sebut di atas.

Akhir sekali penulis ini merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat penulis iaitu Sarimah Mamat, Zaidah Hassim dan Rushiha Mohd Ramli yang telah banyak memberi dorongan dan pertolongan sehingga penulis berjaya menyelesaikan kajian ini.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Cheah Boon Kheng yang telah banyak memberi dorongan secara tidak langsung untuk penulis menulis kajian ini.

HASILINA FADZIL  
9 Mac 1992

**ISI KANDUNGAN:****HALAMAN:**

Penghargaan

Prakata

**BAB 1: PENGENALAN.**

1.0 Pengenalan .....	1
1.1 Pasukan Polis .....	1
1.2 Jenayah .....	4
1.3 Lokasi Sungai Ujung .....	6
1.4 Penutup .....	7

**BAB 2: SEJARAH LATAR BELAKANG PENUBUHAN PASUKAN POLIS DI NEGERI SEMBILAN.**

2.1 Pengenalan.....	8
2.2 Pasukan Polis Zaman Tradisional.....	8
2.3 Sejarah Pasukan Polis Di Negeri Sembilan Zaman Penjajahan Negara.....	16
2.4 Penutup.....	19

**BAB 3: ANALISA.**

3.1 Pengenalan.....	20
3.2 Fungsi/Peranan Pasukan Polis.....	20
3.2.1 Pasukan Polis Dan Persediaan.....	25
3.2.2 Pasukan Polis Dan Disiplin.....	29
3.2.3 Pasukan Polis Jenayah Banduan Dan Penjara.....	34
3.2.4 Faktor-Faktor Yang Membawa Kepada Pertambahan Kadar Jenayah.....	37
3.3 Penutup.....	46

**BAB 4: KESIMPULAN.....** 48**LAMPIRAN-LAMPIRAN:**

Peta-Peta.

Jadual/Geraf.

## 1. PENGENALAN.

Tujuan bab ini adalah untuk memberikan penjelasan-penjelasan mengenai takrif/definisi pasukan polis serta pangkat-pangkat yang terdapat di dalam pasukan polis, takrif jenayah serta jenis-jenis jenayah dan memberikan gambaran lokasi kajian yang dipilih.

### 1.1 PASUKAN POLIS

Pasukan polis di dalam kajian saya ini secara eksplisitnya merujuk kepada 'pasukan yang mengawal keamanan negara dan tatatertib awam (mencegah perbuatan jenayah).'<sup>1</sup>

Penggunaan perkataaan 'pasukan polis' di dalam esei pada pendapat saya adalah lebih sesuai daripada penggunaan perkataan 'polis' sahaja kerana apabila 'pasukan polis' ini adalah merujuk kepada seluruh pasukan tersebut tetapi apabila perkataaan 'polis' sahaja pada saya ia adalah merujuk kepada individu tertentu atau hanya seorang anggota polis sahaja.

Di dalam pasukan polis itu pula terdapat beberapa pangkat atau 'rank.' Pangkat-pangkat ini boleh dibahagikan kepada beberapa kaategori iaitu "Commissioner",

"Police Officer" dan "Officer of Police" adalah termasuk semua pegawai polis yang berpangkat di atas dan termasuk juga pegawai polis berpangkat koperal. Juga termasuk di dalam bahagian ini ialah polis berpangkat sarjan dan sarjan major serta lans-koperal.

"Police Constable" pula adalah semua orang yang bekerja sebagai polis atau berfungsi menjalankan tugas-tugas polis yang tidak berpangkat pegawai di dalam pasukan polis.

"Peace Officer" pula merujuk kepada semua pegawai dari semua pangkat yang menjalankan tugas-tugas polis di dalam pasukan polis.

"Extra Constable" adalah merujuk kepada mereka yang diambil bertugas sementara untuk menjalankan fungsi sebagai polis di bawah Seksyen 17 Akta Polis 1897 ini. Mereka ini hendaklah terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Akhir sekali "Additional Constable" atau Konstabel Tambahan pula adalah mereka yang diambil bertugas dengan permintaan dan dibayar oleh orang-orang persendirian di

"Chief Police Officer", "Superior Police Officer",  
"Peace Officer," "Extra Constable" dan "Additional  
Constable."  
2

"Commissioner" atau Pesuruhjaya Polis adalah pegawai polis yang memegang kuasa tertinggi dalam pasukan polis. Beliau juga selalu dikenali sebagai "High Commissioner of Police" atau Pesuruhjaya Tinggi Polis. Pesuruhjaya Tinggi Polis ini mempunyai pejabatnya di Kuala Lumpur, pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang). Beliau bertugas di bawah Residen Jeneral.

"Chief Police Officer" pula merujuk kepada pegawai polis yang berpangkat tinggi tetapi berada di bawah Pesuruhjaya Tinggi Polis. Pegawai ini mestilah sentiasa bersedia untuk bertugas di mana-mana negeri pada bila-bila masa sahaja. Antaranya ialah "Superintendent of Police," Ketua Polis Negeri dan lain-lain lagi.

"Superior Police Officer" merangkumi kesemua pegawai yang tersebut di atas dan termasuk juga dalam kategori ini ialah Inspektor Polis.

bawah Seksyen 18 Akta Polis ini dan tidak mempunyai fungsi yang tetap. Tidak mempunyai fungsi yang tetap di sini pada pandangan saya ialah tugas mereka tertakluk kepada apa yang diarahkan oleh orang yang mengupah mereka asalkan tidak menyalahi atau menyimpang dari fungsi/tugas polis sebenar.

Itu adalah di antara kategori-kategori pangkat yang terdapat di dalam pasukan polis. Di dalam bab-bab yang seterusnya saya hanya akan merujuk mereka melalui sama ada seperti Supertendant Polis, Inspektor, Koperal dan lain-lain untuk merujuk kepada individu tertentu di dalam pasukan polis.

## 1.2 JENAYAH

Apabila kita membincangkan mengenai pasukan polis maka kita pasti akan menghubungkaitkan dengan tugas mereka untuk menjaga keamanan dan mengawal kejadian jenayah.

Jenayah atau 'crimes' menurut Kamus Dewan adalah "kejahatan (perbuatan) yang salah di sisi undang-undang."<sup>3</sup>

Perbuatan jenayah ini pula dibahagikan kepada dua iaitu Jenayah Kriminal dan Jenayah Sivil. "Kriminal" adalah perbuatan seperti mencuri, merompak dan membunuh. Jadi jenayah kriminal adalah jenayah yang melibatkan perbuatan tersebut di atas dan lain-lain perbuatan jenayah yang termasuk di dalam lingkungannya seperti pecah amanah, merogol, 'gang robbery' dan sebagainya. Sementara 'sivil' pula merujuk kepada "hak asasi orang awam (bukan jenayah)" atau "manusia di dalam masyarakat." Jadi apabila kita mengatakan jenayah sivil, bermakna kita merujuk kepada perbuatan jenayah yang berkaitan dengan perlanggaran hak asasi orang awam seperti penglibatan dalam politik yang tidak selaras dengan dasar kerajaan, melanggar tata tertib awam dan sebagainya.

Sementara itu "orang yang melakukan perbuatan jenayah dikenali sebagai penjenayah atau 'criminal.' Jika dia melakukan jenayah kriminal dia dikenali sebagai penjenayah kriminal atau kriminal sahaja dan begitulah seterusnya.

Di dalam eseai ini saya hanya akan menumpukan kajian kepada perbuatan jenayah kriminal sahaja.

## 2. DESKRIPTIFATOR BELAKANG PEMERINTAHAN POLIS DI NEGERI SEREMBAN.

"The modern Sungai Ujung comprises the valleys of two river systems. North-east of Seremban numerous small rivers rise in the foothills of Jelebu range [Bukit Berembun] and flow down through Pantai and Ampangan to form the Linggi river below Seremban. West of Seremban there is a watershed between the Linggi Valley and the basin of the Langat river in Selangor. The Southern part of Sungai Ujung along the coast is divided from the interior by low hills."<sup>8</sup>

### 1.4 PENUTUP

Adalah diharapkan dengan memberikan tafsiran-tafsiran serta penerangan mengenai pasukan polis, tugas serta pangkat-pangkatnya dan mengenai jenayah serta jenis-jenis jenayah dan juga lokasi Sg. Ujung (tempat dipilih untuk kajian) akan dapat memperjelaskan dan memudahkan pemahaman penggunaan-penggunaan perkataan atau istilah-istilah di bahagian yang seterusnya.